



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

PROGRAM

PROGRAM ADVOKASI KANAK-KANAK: KASIH KANAK-KANAK

LOKASI / TARIKH / MASA

**SK SERI TASEK, CHERAS, WP KUALA LUMPUR
18 SEPTEMBER 2023 (ISNIN)
8.00 PAGI**

Kemaskini 11 September 2023

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
& Selamat Pagi Semua

(SALUTASI)

LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN

(A) PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana di bawah rahmat dan inayahNYA, kita diberi kesempatan untuk hadir dan berkumpul dalam Program Advokasi Kanak-Kanak: Kasih Kanak-kanak pada pagi ini.
2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada pihak Urus Setia, JKM Negeri di atas penganjuran program ini dan jutaan terima kasih kepada semua yang dapat hadir bersama-sama pada pagi ini.

3. Pertemuan kita ini diadakan dengan tujuan untuk saya bertemu mata dengan warga ibu bapa, PIBG, guru-guru, komuniti setempat termasuklah anak-anak pelajar Sekolah Kebangsaan Tasek, Cheras yang berada di hadapan saya pada pagi ini. Terima kasih juga kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia yang sudi berkolaborasi dengan kami di KPWKM dan JKM dalam realisasikan program ini walaupun dirancang dalam waktu yang singkat. Program sebegini adalah merupakan antara usaha-usaha KPWKM dalam membentuk program-

program advokasi kepada kumpulan sasaran yang terpilih.

Isu Penderaan dan Pengabaian Kanak-Kanak

Puan-puan dan tuan-tuan,

4. Kebelakangan ini, hampir setiap minggu kita mendengar atau membaca berita mengenai Kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak. Saya juga seorang ibu. Hati ibu mana yang tidak luluh melihat dan mendengar kes-kes sebegini?

5. Dari Januari hingga Mei 2023, KPWKM melalui JKM telah mengendalikan sebanyak **2,959** kes yang melibatkan penderaan dan pengabaian iaitu penderaan fizikal, seksual, emosi dan pengabaian. Daripada jumlah tersebut **326** kes melibatkan kes yang berlaku di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kuala Lumpur merupakan negeri ketiga kes tertinggi selepas Selangor dan Sabah.

6. Kita mahu ini dihentikan. Kami mahu kanak-kanak tahu hak mereka, pada masa sama, kami mahu ibu bapa dan orang dewasa di sekeliling mereka sedar akan perkara yang boleh dan tidak boleh dilakukan terhadap kanak. Oleh itu, program pada hari ini adalah salah satu inisiatif KPWKM dalam melaksanakan advokasi kepada kanak-kanak akan hak mereka untuk dilindungi.

7. Di samping itu, kita perlu bermuhasabah dan fahami bahawa perlindungan kanak-kanak adalah

tanggungjawab kita semua dan masyarakat setempat khususnya guru-guru, kounselor, PIBG dan komuniti kerana kita semua memainkan peranan yang penting dalam melindungi kanak-kanak dari penderaan dan pengabaian. Masyarakat umum perlu tahu apa tindakan yang perlu diambil sekiranya kanak-kanak terdedah atau terlibat dalam kes penderaan dan pengabaian.

INISIATIF KPWKM: Penubuhan JPKK dan Lantikan Pelindung dan Pegawai Akhlak

Puan-puan dan Tuan-tuan,

8. Alhamdulillah pada tahun ini YAB Menteri Kewangan semasa Pembentangan Bajet 2023 telah mengumumkan bahawa **Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak (JPKK) akan ditubuhkan**. Untuk makluman, peranan Pegawai Pembangunan Masyarakat, atau lebih dikenali rakyat sebagai “Pegawai JKM”, adalah luas, dengan pelbagai

kumpulan sasar termasuk kanak-kanak, warga emas, OKU dan mereka yang dalam keadaan yang perlukan bantuan, yang perlu diberi perhatian. Mereka bertindak sebagai pelindung, mereka bertindak sebagai pegawai pemulih, mereka pegawai bantuan kewangan, mereka juga lah pegawai perundangan.

9. Dengan adanya JPKK, kita dapat memberikan fokus yang khusus dan dapat menjalankan tanggungjawab sepenuhnya terhadap perkhidmatan kepada kumpulan

sasar kanak-kanak melalui perkhidmatan luar di Pejabat Kebajikan Masyarakat Negeri dan Daerah serta perkhidmatan dalaman di institusi kanak-kanak.

10. Pada masa yang sama, kita ingin mengurangkan beban pegawai sosial perlindungan di mana pada masa ini nisbah pengendalian kes adalah 1 (pekerja sosial kepada):108 kes bagi kes-kes perlindungan dan pemulihan kanak-kanak, keganasan rumah tangga, TASKA, pusat jagaan dan orang papa.

Peranan Masyarakat Dalam Melindungi Kanak-Kanak

Puan-puan dan Tuan-Tuan,

11. Terdapat kira-kira **9.2 juta kanak-kanak** di seluruh negara. Peranan dalam memastikan kesejahteraan kanak-kanak bukanlah, dan tidak harus hanya dimainkan oleh pihak Kerajaan semata-mata, sama ada melalui KPWKM, JKM, Kementerian Pendidikan Malaysia dan sebagainya sahaja. Semua pihak, sebagai individu mahupun secara komuniti, perlu bersama-sama cakna terhadap hak

kanak-kanak. KPWKM amat berterima kasih kepada segelintir masyarakat yang telah memainkan peranan mereka bagi memaklumkan kes-kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak. Sebagai contoh kes di Johor baru-baru ini. Sebagai jiran yang cakna dalam komuniti, mereka telah menyalurkan maklumat sehingga dapat membantu seorang kanak-kanak yang ditinggalkan oleh penjaga di rumah tanpa makanan dan pengawasan.

12. Kita perlukan sifat ambil tahu sebegini. Segera laporkan kepada pihak yang sewajarnya jika ada yang tidak kena. Bukannya hanya sekadar membuat video di media sosial untuk dijadikan “content” dan ditularkan semata-mata. Disaat anda mengedit video itu, keselamatan kanak-kanak itu terancam. Kita tidak tahu keadaan kanak-kanak itu disaat video itu sampai kepada orang ke 10, atau ke 100. Oleh itu, penting untuk segera laporkan. Kerjasama antara agensi dan masyarakat amat-amat diperlukan sebagai mata dan telinga serta jiran cakna dalam

menyalurkan maklumat kepada KPWKM.

13. Dalam persekitaran JKM sendiri, sebanyak 140 Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak (PPKK), 133 Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak (PKKK) dan 142 Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) yang telah ditubuhkan di seluruh negara bagi memainkan peranan untuk menjadi mata dan telinga kepada KPWKM sekaligus melaksanakan melaksanakan program-program advokasi kepada masyarakat setempat. Daripada jumlah tersebut sebanyak 5 PPKK,

dan 6 PAKK berada di Kuala Lumpur.

14. KPWKM telah menjalinkan kerjasama dengan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) untuk menjadikan Pengerusi dan Setiausaha Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) sebagai ahli Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak. Seperti yang tuan/puan sedia maklum, JPKK ini merupakan sebuah organisasi kepimpinan yang menjadi agen penggerak dan pendorong kepada penyatuan dan perpaduan masyarakat kampung dalam program-

program pembangunan dan juga hal-hal yang berkaitan kehidupan setempat. Kerjasama ini dapat meluaskan capaian Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak ke lebih 15,000 lokaliti atau kampung di seluruh negara.

15. Mereka juga boleh menjadi penghubung kepada KPWKM dan komuniti setempat dalam menyalurkan maklumat berkaitan kempen mahupun program-program advokasi daripada KPWKM kepada masyarakat setempat.
16. Selain itu juga, KPWKM turut berkolaborasi bersama

dengan lain-lain agensi seperti PDRM dan KPM juga. Baru-baru ini, KPWKM telah berkerjasama dengan dua (2) agensi ini dalam menjayakan Program Penataran Kod Sukan Selamat secara serentak di lima (5) buah sekolah di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor.

17. Seramai 87 orang pelajar sekolah telah diberikan pendedahan berkaitan dengan “Hak Kanak-Kanak” dan lebih menarik ceramah diberikan dalam Bahasa Mandarin. Terima kasih kepada KPM dan Jabatan Pendidikan Negeri PN kerana memberi ruang dan

peluang kepada KPWKM melalui JKM untuk terlibat sama dalam program tersebut.

Mesej Kepada Kanak-Kanak

18. Kepada anak-anak sekalian, kalau ada yang perlu bantuan, kalau anak-anak rasa takut, kalau anak-anak rasa tak pasti, kalau anak-anak rasa tak berani, jangan malu dan jangan takut nak minta tolong. Boleh call nombor 15999 (Satu – Lima – Sembilan – Sembilan – Sembilan). Boleh ulang tak bersama saya? 15999. Bagus, terima kasih.

Penghargaan

Puan-Puan dan Tuan-Tuan sekalian,

19. Saya bagi pihak KPWKM amat berharap dengan penyertaan puan-puan dan tuan-tuan serta semua pelajar pada pagi ini dapat meningkatkan kefahaman dan kita semua lebih peka dan cakna akan isu kanak-kanak. Besar harapan KPWKM juga agar kita bersama-sama mencari solusi yang tepat dalam membantu mengatasi permasalahan sosial berkaitan kanak-kanak,

sentiasa peka dan relevan dalam menjalankan tanggungjawab menjaga keselamatan dan melindungi kanak-kanak seterusnya dapat mengekang peningkatan kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak pada masa hadapan.

PENUTUP

20. Saya amat berterima kasih diatas jasa dan pengorbanan tuan/puan sebagai guru dan juga ahli masyarakat sentiasa bertanggungjawab dan amanah dalam tugas masing-masing dan ditambah lagi dengan kepekaan semua dalam isu-isu kanak-kanak.

21. Sebelum saya mengundur diri, sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat pada pagi ini. Semoga pertemuan kita

pada pagi ini akan memberi suntikan semangat kepada tuan/ puan untuk terus meningkatkan kefungsian dan peranan kita sebagai ahli masyarakat dalam berhadapan dengan cabaran mendatang sekaligus bersama memastikan kesejahteraan kanak-kanak akan terus diberi keutamaan.

Dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim, saya melancarkan Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: Kasih Kanak-Kanak di Peringkat WPKL.

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat

13 September 2023